



HELO

Subang Jaya



PETUNJUK

LALUAN REL

KTM Laluan Pelabuhan Klang
KTM Laluan Terminal Skypark
MRT Laluan Putrajaya
LRT Laluan Kelana Jaya
LRT Laluan Sri Petaling
ERL Laluan KLIA Ekspres
BRT Laluan Sunway

TEMPAT RIADAH

Kompleks 3K MBSJ SS13
Kompleks 3K MBSJ PJST1
Kompleks 3K MBSJ Taman Serdang Raya
Laman Sukan USJ1, Subang Jaya
Kompleks Rakan Muda
Perpustakaan Hipermedia MBSJ Puchong
Perpustakaan Hipermedia MBSJ Subang Jaya
Perpustakaan Hipermedia MBSJ Serdang
Taman Tasik Puchong Perdana
Tasik Sri Serdang
Taman Komuniti Putra Heights
Puchong Puteri Town Park
Wawasan Hill Trekking Trail
Wawasan Woodball

PASAR

Pasar Bazar Rakyat Seri Kembangan
Pasar Borong Selangor
Pasar Malen SS 15
Pasar Puchong Batu 14
Pasar Seri Serdang

KEBUN KOMUNITI

Jalan Serinai 1, Bandar Puchong Jaya
Jalan Tempua 4, Bandar Puchong Jaya
Balai Masyarakat, Taman Puchong Intan
Jalan Permai 2/2, Taman Puchong Jaya
Laman Sukan USJ1, Pusat Bandar Puchong
Jalan Wawasan 1/3, Pusat Bandar Puchong
Jalan Wawasan 2/12, Pusat Bandar Puchong
Jalan BK 4/8F, Bandar Kinrara
Jalan EP 7/28, Taman Lestari Putra
Jalan DU 3/6, Taman Damai Utama
Jalan DU 3/6, Taman Damai Utama
Jalan 18/28, Taman Sri Serdang
Jalan SR 8/6, Taman Sri Serdang
Jalan SB Indah 2/12, Taman Sungai Besi Indah
Jalan USJ 9/51 USJ19, Subang Jaya
Jalan USJ 3/2 USJ 3A, Subang Jaya
Jalan USJ 14, Subang Jaya

PERKAMPUNGAN

Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir, Puchong
Perkampungan Jalan Kempas

PASAR PAGI

Pasar Pagi PJST
Pasar Pagi USJ6
Pasar Taman Batu Tiga
Pasar FAMA Putra Heights
Pasar Taman Kinrara Seksyen 3
Pasar Taman Kinrara Seksyen 1
Pasar Bandar Puchong Jaya
Pasar FAMA Bandar Kinrara
Pasar Taman Puchong Indah
Pasar Pusat Bandar Puchong
Pasar FAMA Batu 13 Puchong
Pasar Taman Damai Utama
Pasar Kampung Baru Seri Kembangan
Pasar Taman Sungai Besi Indah
Pasar Budaya Borneo
Pasar Taman Universiti Indah
Pasar Taman Perindustrian Kinrara S2

KEAGAMAAN

Masjid As-salam, Puchong Perdana

PASAR MALAM

Pasar Taman Perindustrian Puchong Utama Seksyen 2
Pasar Taman Perindustrian Bukit Serdang Seksyen 14
Pasar Taman Perindustrian Kinrara Seksyen 2
Pasar Kawasan Perusahaan Seri Kembangan
Pasar Pusat Perdagangan Seri Kembangan
Pasar Malam USJ 1
Pasar Malam SS 13
Pasar Malam Putra Heights
Pasar Taman Bukit Kuchai
Pasar Taman Puchong Utama
Pasar Taman Puchong Indah
Pasar Bandar Puchong Utama
Pasar Taman Puchong Prima
Pasar Taman Saujana Puchong
Pasar Taman Puncak Jalil
Pasar Taman Lestari Perdana
Pasar Taman Pinggiran Putra
Pasar Serdang Raya Seksyen 7
Pasar Taman Universiti Indah

MBSJ

MBSJ *gemilang*
Bersama



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my

SEJARAH PEMBANGUNAN SUBANG JAYA

Subang Jaya ialah sebuah kawasan yang terletak di Lembah Klang dalam mukim Damansara, daerah Petaling, Selangor. Subang Jaya asalnya ialah sebuah ladang sawit yang luas dikenali sebagai Seafield Estate. Pembangunan bandar Baru Subang Jaya dirancang oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Syarikat United Estate Projects Sdn. Bhd (Sime UEP) dan Intercontinental Housing Development (IHD) Hong Kong. Kerja-kerja pembersihan ladang dan pembangunan Bandar Baru Subang Jaya bermula pada tahun 1974 merangkumi kawasan SS12 hingga SS19.



Pada tanggal 21 Februari 1976, Bandar Baru Subang Jaya dibuka dengan rasminya oleh DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj. (Sultan Selangor)



Berikutan kejayaan pembangunan Bandar Baru Subang Jaya, pembangunan fasa berikutnya diteruskan pada tahun 1988 ke atas Bandar Baru USJ di atas Ebor Estate dan Seafield Estate. USJ yang merupakan singkatan kepada UEP Subang Jaya terdiri daripada 27 seksyen (USJ1 - USJ27) dan siap secara berperingkat bermula tahun 1990.



Perkembangan drastik pembangunan dan pertambahan penduduk dalam daerah Petaling, Majlis Daerah Petaling dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) pada tahun 1997.



Pembangunan berterusan Subang Jaya berlaku melalui wujudnya kawasan residensi Putra Heights, juga oleh Sime UEP dan siap secara berperingkat bermula tahun 1999 di kawasan Dundee Estate.



Subang Jaya

1976

2020

HELO
Subang Jaya

MBSJ *gemilang*
Bersama

PENUBUHAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

1974


1974

Pembangunan bandar Subang Jaya bermula sekitar tahun 1974. Terdahulu, ianya merupakan kawasan ladang kelapa sawit, ladang getah, tanah bekas lombong bijih timah dan sebahagian hutan simpan yang telah dibangunkan untuk hartanah perindustrian, perniagaan, perumahan, kemudahan-kemudahan awam, infrastruktur dan utiliti.

1976

1977

1 JANUARI 1977
Majlis Daerah Petaling
(Pelan Warta 463 dan Pelan Warta 511)



Rentetan sejarah pembentukan bermula apabila Pihak Berkuasa Negeri Selangor Darul Ehsan telah mengambil langkah untuk menyusun semula sempadan dan pentadbiran beberapa PBT iaitu Lembaga Bandaran Petaling, Lembaga Bandaran Serdang dan Lembaga Bandaran Subang dengan menubuhkan Majlis Daerah Petaling (MDP) pada 1 Januari 1977 sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.



1994

1997

2 JANUARI 1997
Majlis Perbandaran Subang Jaya
(Warta Kerajaan Negeri Selangor No.26)



Pada tarikh 2 Januari 1997, MDP dengan rasminya telah dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Seksyen 4 melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No: 26.



2020

20 OKTOBER 2020
Majlis Bandaraya Subang Jaya
(Warta Kerajaan Negeri Selangor Bil. Jil 73 No.21)



DYMM Sultan Selangor telah memberi perkenan mengisytiharkan naik taraf MPSJ sebagai bandar raya pada tarikh keramat 20 Oktober 2020. Naik taraf Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) adalah di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dengan pewartaan di bawah Seksyen 4 Warta Kerajaan Negeri Selangor.

INFO

Kawasan pentadbiran MBSJ seluas 161.8 km2 merangkumi Subang Jaya, Batu 3, Putra Height, Puchong, Kinrara, Serdang dan Seri Kembangan. Terdiri daripada enam (6) kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN), dua (2) kawasan Parlimen iaitu Subang dan Puchong serta dibahagikan kepada tujuh (7) Blok Pembangunan. Guna tanah MBSJ secara keseluruhannya adalah diperuntukkan bagi kawasan perumahan, perniagaan (termasuk tadika swasta), perindustrian pembangunan bercampur, institusi dan kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti, tanah lapang, hutan, badan air serta pengangkutan. Terletak di lokasi yang strategik di Lembah Klang menjadikan bandar raya ini sebagai kawasan tumpuan dalam arena pembangunan, ekonomi, pendidikan, pelancongan dan kediaman.



Majlis Bandaraya Subang Jaya



sjcitycouncil

www.mbsj.gov.my

INFO MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BANDARAYA MAMPAN YANG BESTARI

Sebuah bandaraya 'smart vibrant' yang mempunyai keunikan tersendiri dengan memberikan sepenuhnya ruang dan peluang kepada warga kota untuk terlibat dalam perancang dan membangunkan urbanisasi fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi dan komunikasi moden untuk memenuhi keperluan dan gaya hidup semasa dan masa hadapan.

BANDARAYA SMART VIBRANT

Sebuah bandaraya yang hidup (lively), bersemangat (high spirit), bertenaga (energetic), mesra (friendly), hijau (green) dan pintar (smart).

Tagline MBSJ

Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman

Visi MBSJ

Menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan bandaraya mampan yang bestari, kota niaga dan kediaman idaman.

Misi MBSJ

Mewujudkan dan menguruskan bandaraya yang mempunyai persekitaran yang kondusif bertaraf antarabangsa ke arah menjadikan kehidupan bandar yang bahagia, sejahtera, harmoni dan mampan menjelang tahun 2030



BUNGA KENANGA
adalah Bunga Rasmi
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PUSAT BELI BELAH



daerah Subang Jaya.

SUBANG PARADE MALL

Subang Parade yang pernah dikenali sebagai "pusat membeli belah terpanjang di Asia Tenggara". Merupakan pusat beli belah 'serantau' pertama di Selangor apabila dibuka pada 1988. Ia kekal sebagai salah satu aset teras Hektar REIT, pusat beli belah yang dominan terletak, di tengah-tengah daerah komersil


HELO
Subang Jaya

SUNWAY PYRAMID MALL

Sunway Pyramid, pusat beli belah dan hiburan bertema pertama di Malaysia telah melalui transformasi yang mengagumkan untuk melambangkan empayar beli belah baharu yang mempunyai keluasan 4.3 juta kaki persegi. Konsep seni bina piramid yang diilhamkan dari negara Mesir dengan pengawal singa menarik perhatian di pintu masuk serta menampilkan dua kubah iaitu Atrium Jingga dan Atrium Biru.



SUMMIT USJ & DA MEN MALL



The Summit USJ – telah menjadi sebahagian daripada kejiranan Subang sejak 1998. Merupakan pusat beli-belah terbesar di USJ Subang – dan bersambung ke The Summit Hotel dan blok pejabat, Menara Summit.



Da Men Mall – ialah pembangunan komersial dan kediaman bercampur yang terletak di sekitar Subang USJ 1. Terletak di tengah-tengah USJ, Da Men Mall mempunyai kedudukan yang strategik dengan pelbagai kemudahan berdekatan, seperti hospital, pendidikan institusi dan stesen pengangkutan metro di sekitar kawasannya.

IOI MALL PUCHONG

IOI Mall sebesar sejuta kaki persegi, pembangunan sepenuhnya menumpukan kepada aktiviti membeli-belah yang mempersonakan. Didorong oleh seni bina Mediterranean yang menawan, IOI Mall mempunyai empat tingkat kedai yang terletak di atas susun atur mendatar.



ONE CITY MALL



One City ialah pembangunan bersepadu yang merangkumi lebih dari 77 ekar tanah freehold terletak di USJ 25. Digambarkan sebagai sebuah oasis bandar di tengah-tengah pinggir bandar yang sibuk ini, One City dilitupi dengan rangkaian kehijauan yang subur bercirikan Indeks Bangunan Hijau (GBI)

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

KOTA NIAGA

Bandaraya yang menawarkan pelbagai peluang untuk kecemerlangan berterusan dalam sebuah lanskap ekonomi yang inklusif, mampan, maju dan kompetitif

KEDIAMAN IDAMAN

Peningkatan tahap kualiti kehidupan melalui simbiosis pintar yang menggabungkan keharmonian interaksi di antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam dan manusia dengan Pencipta yang menjadikan bandaraya ini sebagai lokasi kediaman idaman

ANTARABANGSA

Mercu keunggulan bandaraya bertaraf antarabangsa yang mempunyai tahap daya tahan dan daya saing global

MATLAMAT MBSJ

Memastikan MBSJ memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam usaha meletakkan Majlis Bandaraya Subang Jaya sebagai perbandaran bestari yang bersih, cantik dan selesa untuk urusan perniagaan, perindustrian dan kediaman

HELO
Subang Jaya

MBSJ

MBSJ *gemilang*
Bersama

TAMAN TEMA

SUNWAY LAGOON

Sunway Lagoon ialah taman tema terkenal yang telah memenangi pelbagai anugerah di Bandar Sunway, daerah Petaling Jaya, Selangor. Dibuka pada tahun 1992, ia merentasi kawasan seluas 88 ekar dan mempunyai lebih 90 tarikan yang merangkumi enam zon pengembaraan iaitu Water Park, Amusement Park, Wildlife Park, Extreme Park, Scream Park dan Nicklelodeon Lost Lagoon. Dibina bersama kompleks membeli-belah Sunway Pyramid, serta Sunway Resort Hotel & Spa, Sunway Lagoon menampilkan gabungan pelbagai hiburan, komersil dan hospitaliti, serta menggabungkan antara permainan menyeronokkan dan aktiviti air untuk mencipta taman tema yang sihat.



DUNIA KESERONOKAN DI FUN X WORLD!



Fun X World menyediakan pengalaman hiburan yang tidak boleh dilepaskan dengan pelbagai permainan dan aktiviti yang memacu adrenalin! Nikmati permainan arcade terbaru, cabaran ekstrem melampau, dan hiburan interaktif yang direka untuk semua usia. Dengan suasana yang ceria dan pelbagai pilihan untuk mencabar diri, Fun X World adalah tempat yang ideal untuk berkumpul bersama keluarga dan rakan-rakan. Datanglah ke Fun X World dan jadikan setiap saat penuh dengan keseronokan dan kegembiraan!

PUSAT KONVENSYEN

SUNWAY PYRAMID CONVENTION CENTRE

Pusat Konvensyen Sunway Pyramid (SPCC) membentuk sebahagian daripada Sunway City yang bertenaaga dan bersepadu sebagai tempat acara. Mampu menampung pameran besar, persidangan, pameran perdagangan dan juga makan malam gala, SPCC telah menjadi dilokasi pilihan untuk banyak acara berprestij. Ianya terletak dalam premis Sunway Pyramid Mall, dengan jarak hanya 35 minit dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) dan 25 minit dari Pusat Bandar Kuala Lumpur.



MINES INTERNATIONAL EXHIBITION AND CONVENTION CENTRE

Pusat Pameran & Konvensyen Antarabangsa MINES (MIECC) telah muncul sebagai tempat pameran utama Malaysia. Sebagai perintis dalam industri pameran, MIECC telah menganjurkan pelbagai acara besar, serantau dan antarabangsa. MIECC telah dengan menetapkan arasnya dalam industri pameran di Kuala Lumpur. Keluasannya 1.2 juta kaki persegi ianya boleh menempatkan seramai 8,000 orang (kapasiti tempat duduk jamuan) pada satu-satu masa.



HELO
Subang Jaya



PENDIDIKAN

TINGKATKAN MASA DEPAN ANDA DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)!



Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan institusi pengajian tinggi terkemuka yang menawarkan pelbagai program akademik berkualiti tinggi dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, pertanian, dan banyak lagi. Dengan kemudahan canggih, tenaga pengajar yang berpengalaman, dan persekitaran pembelajaran yang kondusif, UPM komited untuk melahirkan graduan yang cemerlang dan berdaya saing di peringkat global. Di sinilah tempat di mana ilmu dan inovasi bertemu.

CAPAI KEJAYAAN AKADEMIK DI SUNWAY UNIVERSITY!

Sunway University menawarkan pendidikan bertaraf dunia dengan pelbagai program akademik yang inovatif dan relevan dalam bidang perniagaan, sains, seni, dan teknologi. Dengan fakulti yang berdedikasi dan kemudahan moden, Sunway University menyediakan persekitaran pembelajaran yang inspiratif dan menyokong perkembangan holistik pelajar. Sertai Sunway University hari ini dan mulakan perjalanan anda menuju kecemerlangan akademik dan kerjaya yang gemilang. Bersama Sunway University, impian anda menjadi realiti!



TEMUI DUNIA PENGETAHUAN DI PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA MBSJ!



Perpustakaan Hipermedia MBSJ menawarkan pengalaman pembelajaran yang dinamik dengan akses kepada koleksi digital yang luas, bahan multimedia interaktif, dan sumber maklumat terkini. Nikmati kemudahan membaca, lab inovasi dan pembelajaran yang inovatif dalam persekitaran yang moden dan mesra pengguna. Sertai kami untuk memperluas horizon pengetahuan anda dan meneroka pelbagai sumber dalam satu tempat.

RASA KREATIF DAN INOVATIF DI DAPUR 3C!

Dapur 3C menawarkan pendidikan ilmu kulinari dengan penuh citarasa dan inovasi. Nikmati pelbagai pilihan menu yang memikat dari hidangan utama yang lazat hingga pencuci mulut yang lazat



ECO PELANCONGAN

TEROKAI KEINDAHAN ALAM DI HUTAN SIMPAN AIR HITAM PUCHONG!

Lari dari kesibukan kota dan rasailah ketenangan di Hutan Simpan Air Hitam Puchong. Nikmati kehijauan alam semula jadi dengan berjalan-jalan di sepanjang trek yang menenangkan, sambil mengagumi flora dan fauna. Rasai pengalaman mendekati alam dengan menghirup udara yang segar dan menikmati pemandangan yang menakjubkan. Di sinilah terpeliharanya khazanah hutan yang tidak ternilai!



KEBUN KOMUNITI ENGGANG DAN TEROKAI DUNIA PERTANIAN BANDARI!



Kebun Komuniti Enggang Bandar Kinrara adalah merupakan pertanian bandar yang diusahakan oleh komuniti yang peka terhadap alam sekitar. Ia juga menjadikan bandaraya Subang Jaya sebagai sebuah bandaraya berdaya tahan apabila kebun ini berfungsi sebagai bank makanan ketika berlakunya krisis makanan. Di antara produk utama kebun ini ialah cili bara, bendi, bayam brazil, ulam-ulaman, ikan keli dan pelbagai hasil kebun termasuk jeruk cili dan kerepek bayam. Selain memperolehi produk segar, anda juga dapat mempelajari kemahiran berkebun dan menyumbang kepada persekitaran yang lebih hijau.

KEINDAHAN ALAM DI HUTAN BANDAR SUBANG JAYA!

Hutan Bandar Subang Jaya adalah destinasi semula jadi yang menawarkan pengalaman menyegarkan di tengah kesibukan bandar. Nikmati suasana tenang dengan pelbagai laluan trek yang dikelilingi oleh flora tempatan yang menakjubkan. Sesuai untuk aktiviti luar seperti mendaki, berjoging, atau hanya bersantai sambil menikmati udara segar. Hutan Bandar adalah tempat ideal untuk keluarga, pencinta alam, dan sesiapa sahaja yang ingin melarikan diri dari kesibukan kota.



SUKAN DAN REKREASI

KESERONOKAN DI ARENA MBSJ!

Arena MBSJ adalah destinasi utama untuk pelbagai acara sukan, hiburan, dan aktiviti komuniti. Dengan kemudahan padang yang diiktiraf mematuhi piawaian antarabangsa, Arena MBSJ menawarkan platform terbaik untuk acara sukan berprestij, pertunjukan hiburan yang menarik dan aktiviti keluarga yang menyeronokkan. Sertai kami di Arena MBSJ dan nikmati pengalaman yang penuh aksi dan keseronokan. Pastikan anda tidak ketinggalan acara-acara hebat yang ditawarkan!



NIKMATI KEINDAHAN ALAM DI TASIK SRI AMAN!



Tasik Sri Aman adalah destinasi yang ideal untuk bersantai dan menikmati keindahan semula jadi. Dengan pemandangan tasik yang menenangkan dan kawasan sekeliling yang hijau, tempat ini menawarkan suasana yang damai untuk beriadah. Luangkan masa bersama keluarga dan rakan-rakan dengan aktiviti luar seperti berkelah, berbasikal, atau sekadar berjalan-jalan menikmati udara segar. Datanglah ke Tasik Sri Aman dan rasai ketenangan serta keindahan yang tiada tandingan!

KEMERIAHAN DAN KESERONOKAN DI KOMPLEKS KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN (3K) MBSJ!

Kompleks Kemudahan Kemasyarakatan (3K) MBSJ adalah destinasi utama untuk penggemar sukan dan aktiviti rekreasi. Dengan kemudahan moden yang lengkap, padang sukan yang luas pusat kecergasan, kolam renang, serta gelanggang badminton, kompleks ini menawarkan ruang yang ideal untuk pelbagai jenis aktiviti. Sama ada anda ingin menyaksikan acara sukan yang mendedarkan, menyertai latihan kecergasan, atau hanya bersantai di kawasan rekreasi, Kompleks 3K MBSJ mempunyai sesuatu untuk semua orang. Datanglah dan alami suasana bersemangat serta nikmati pelbagai kemudahan yang ditawarkan. MBSJ mempunyai 2 kompleks 3K iaitu Kompleks 3K SS13, Subang Jaya dan Kompleks 3K Serdang Raya



NIKMATI SUKAN DAN KEINDAHAN ALAM DI LAMAN WOODBALL MBSJ!



"Jom sertai kami di Laman Woodball MBSJ, destinasi ideal untuk sukan dan rekreasi! Di sini, anda boleh menikmati permainan woodball yang menyeronokkan sambil di kelilingi oleh keindahan taman dan tasik yang menenangkan. Bawa keluarga dan rakan-rakan untuk pengalaman yang penuh keceriaan di tengah-tengah kehijauan alam. Nikmati udara segar, pemandangan indah, serta cabaran woodball yang mengujakan. Laman Woodball MBSJ menanti anda untuk mencipta kenangan yang tak dapat dilupakan."

GASTRONOMI

FARM FRESH : JELAJAH LADANG TENUSU DAN RASAI PENGALAMAN YANG MEMUKAU!

Selami dunia keajaiban ladang tenusu di Farm Fresh, destinasi pelancongan yang menawarkan pengalaman segar dan mendalam! Alami keunikan pengeluaran produk tenusu premium melalui lawatan interaktif yang menyeronokkan. Saksikan sendiri bagaimana lembu-lembu susu dipelihara sehingga menjadi susu segar, yogurt, dan keju melalui proses teknologi dan inovasi. Nikmati peluang untuk berinteraksi dengan haiwan ladang dan merasai produk yang baru diproses. Dengan suasana yang menyegarkan dan aktiviti menarik untuk seluruh keluarga, Farm Fresh adalah tempat ideal untuk pelarian yang memuaskan dan pengalaman yang tidak boleh dilupakan. Rancang lawatan anda hari ini dan temui keajaiban di Farm Fresh.



EXPO / FESTIVAL

MAHA : Meneroka Ilmu Pertanian Berteknologi dan Inovatif

Jangan ketinggalan Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (MAHA), acara tahunan pertanian terbesar dan paling dinanti di Malaysia! Kunjungi MAHA untuk pengalaman yang tidak boleh dilupakan dengan pelbagai pameran pertanian, inovasi teknologi, dan aktiviti menarik untuk seluruh keluarga. Nikmati pertunjukan produk segar, demo pertanian, dan banyak lagi di lokasi yang strategik. MAHA menawarkan peluang hebat untuk mempelajari tentang industri pertanian sambil menikmati suasana meriah dan kemudahan moden yang disediakan.



PESTA JUALAN BUKU BIG BAD WOLF: DISKAUN BESAR UNTUK BUKU-BUKU HEBAT!

Jangan lepaskan Pesta Jualan Buku Big Bad Wolf, acara terbesar tahunan di bandaraya Subang Jaya untuk pencinta-pencinta buku! Miliki pelbagai buku menarik dengan diskaun yang luar biasa. Dari novel popular hingga buku-buku khusus, acara popular ini menawarkan pilihan yang menarik pada harga yang sangat berpatutan. Kunjungi Acara terbesar ini untuk pengalaman membeli-belah buku yang seronok dan berbaloi, dan bawa pulang buku-buku impian anda dengan penjimatan hebat.

HOSPITALITI

PENGALAMAN PENGINAPAN YANG TAK TERNILAI DI SUNWAY RESORT HOTEL!

Di Sunway Resort Hotel, anda bukan hanya menginap, anda turut merasai kemewahan yang tiada bandingannya. Nikmati bilik dan vila mewah dengan pemandangan memukau dan fasiliti premium. Manjakan deria anda dengan pelbagai pilihan hidangan gourmet di restoran bertaraf antarabangsa dan bersantai di spa yang menenangkan. Bukan itu sahaja, anda boleh menikmati kebun hidroponik Sunway Resort Hotel yang menunjukkan komitmen terhadap kelestarian dengan pertanian bandar yang inovatif. Bagi acara korporat, kemudahan MICE di sini menawarkan ruang yang ideal untuk pertemuan dan konferensi. Di samping itu, nikmati penjagaan kesihatan premium di Resort Clinic Sunway Resot Hotel. Dengan hospitaliti bertaraf dunia dan lokasi strategik berhampiran Sunway Lagoon dan Sunway Pyramid, Sunway Resort Hotel adalah destinasi yang menyediakan keseimbangan sempurna antara kemewahan, keseronokan, dan keperluan perniagaan. Tempah sekarang dan rasai sendiri pengalaman penginapan yang luar biasa dan tidak dapat dilupakan!



KEMEWAHAN DAN KEANGGUNAN DI EMPIRE HOTEL



Empire Hotel menawarkan pengalaman penginapan yang mewah dan elegan dengan bilik-bilik yang moden dan dilengkapi dengan kemudahan canggih. Nikmati suasana yang selesa dan reka bentuk yang bergaya, sambil menikmati hidangan yang lazat di restoran di sini. Dengan lokasi strategik yang memudahkan akses kepada pelbagai tarikan dan pusat perniagaan, Empire Hotel adalah pilihan ideal untuk penginapan perniagaan dan percutian. Dapatkan pengalaman hospitaliti yang tiada tandingan di Empire Hotel dan tempah penginapan anda hari ini!

PALACE OF THE GOLDEN HORSES HOTEL (MINES) : PENGINAPAN MEWAH DI SERI KEMBANGAN

Selamat datang ke Palace Of The Golden Horses Hotel (Mines), tempat penginapan mewah yang terletak di Seri Kembangan! Nikmati keselesaan dan gaya yang tiada tandingan dalam bilik-bilik yang elegan dan moden. Terletak berdekatan dengan pusat membeli-belah The Mines, hotel ini menawarkan kemudahan hebat termasuk kolam renang, pusat kecergasan, dan restoran yang menyajikan hidangan lazat. Sama ada anda dalam perjalanan perniagaan atau bercuti, Palace Of The Golden Horses Hotel (Mines) adalah pilihan ideal untuk pengalaman penginapan yang memuaskan dan mudah diakses. Tempah penginapan anda di Palace Of The Golden Horses Hotel (Mines) hari ini dan rasai layanan yang istimewa dalam suasana yang menyenangkan!



WARISAN BUDAYA

TEROKAI PESONA PASAR BORNEO SERI KEMBANGAN - DESTINASI PELANCONGAN YANG MEMIKAT!

Pasar Borneo Seri Kembangan adalah destinasi pelancongan yang tidak boleh dilepaskan, menawarkan pengalaman membeli-belah yang meriah dan penuh warna. Nikmati keunikan budaya Borneo melalui pelbagai barangan tempatan seperti seni kraf, tekstil tradisional dan makanan eksotik yang memikat selera. Suasana pasar yang penuh bersemangat ini memberikan peluang untuk berinteraksi dengan penduduk tempatan dan merasai suasana autentik. Dengan pilihan cenderamata yang unik dan tawaran istimewa, Pasar Borneo Seri Kembangan adalah tempat ideal untuk menambah pengalaman pelancongan anda serta membawa pulang kenangan yang tidak terlupakan. Ayuh! datang melawat hari ini dan saksikan sendiri keunikan Malaysia di Pasar Borneo Seri Kembangan!



KEAJAIBAN PERTUKARAN BUDAYA DAN PROGRAM KELUARGA ANGKAT!



Saksikan keajaiban pertukaran budaya antara Malaysia dan lain-lain negara melalui acara yang penuh warna dan keunikan! Lebih istimewa, anda boleh ambil bahagian dalam program keluarga angkat yang membolehkan anda tinggal dan merasai kehidupan seharian bersama mereka. Program ini memberikan pengalaman mendalam dan autentik mengenai budaya masing-masing di samping memperkenalkan budaya Malaysia di mata dunia.

ALAMI WARISAN DAN BUDAYA DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI SUNGAI RASAU HILIR!

Perkampungan Orang Asli Sungai Rasau Hilir menawarkan pengalaman budaya yang mendalam dan autentik. Terokai kehidupan harian komuniti Orang Asli, nikmati pertunjukan tradisional dan pelajari tentang seni kraf dan tradisi yang telah diwarisi turun-temurun. Lawatan ini memberikan peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk tempatan dan memahami cara hidup mereka yang unik. Dengan suasana yang mesra, Perkampungan Orang Asli Sungai Rasau Hilir adalah destinasi ideal untuk merasai kekayaan budaya dan warisan Malaysia. Rancang kunjungan anda dan saksikan sendiri keindahan budaya Orang Asli!



BANDAR PINTAR DAN INOVASI

ECO WASTE PARK SUBANG JAYA!

Eco Waste Park Subang Jaya adalah destinasi unik yang menggabungkan pendidikan dan keseronokan dalam satu tempat. Pelajari tentang amalan pengurusan sisa yang mampan melalui pameran interaktif dan bengkel yang menarik. Taman ini menawarkan peluang untuk memahami bagaimana sisa boleh dikitar semula dan dimanfaatkan semula dengan cara yang inovatif. Dengan suasana yang mesra alam dan aktiviti yang mendidik, Eco Waste Park adalah tempat yang ideal untuk keluarga dan pengunjung yang ingin menyumbang kepada kelestarian alam sekitar. Rancang lawatan anda dan sertai usaha menjaga planet kita di Eco Waste Park Subang Jaya!



PERUBATAN

DAPATKAN PENJAGAAN KESIHATAN TERBAIK DI SUNWAY MEDICAL CENTRE!

Sunway Medical Centre adalah pusat perubatan terkemuka yang menawarkan perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia. Dikenali dengan kemudahan canggih dan pasukan perubatan yang berpengalaman, Sunway Medical Centre menyediakan pelbagai rawatan dan pemeriksaan dengan teknologi terkini. Sama ada anda memerlukan rawatan khusus, penjagaan kesihatan umum, atau perundingan pakar, Sunway Medical Centre memastikan anda menerima penjagaan yang berkualiti dan mesra. Dengan suasana yang selesa dan perkhidmatan yang profesional, Sunway Medical Centre komited untuk menyokong kesihatan dan kesejahteraan anda. Kunjungi Sunway Medical Centre dan alami sendiri standard penjagaan kesihatan yang unggul!



RAMSAY MEDICAL CENTRE: PENGALAMAN PENJAGAAN KESIHATAN YANG LUAR BIASA!



menyediakan penyelesaian kesihatan yang menyeluruh dan berkesan. Kunjungi Ramsay Medical Centre dan rasai sendiri komitmen mereka terhadap kecemerlangan dan kesejahteraan anda.

Ramsay Medical Centre menawarkan pengalaman penjagaan kesihatan yang tiada tandingan dengan gabungan teknologi terkini dan layanan premium. Ramsay Medical Centre menyediakan pelbagai rawatan perubatan dengan standard tertinggi, diuruskan oleh pasukan pakar yang berdedikasi dan berpengalaman. Nikmati kemudahan moden dalam suasana yang selesa, dengan perhatian peribadi yang memastikan setiap keperluan anda dipenuhi. Dari pemeriksaan awal hingga rawatan kompleks, Ramsay Medical Centre komited untuk


GASTRONOMI

KELAZATAN ANTARABANGSA DI KILANG BERYL'S!

Kilang Beryl's menawarkan pengalaman unik untuk pencinta coklat dengan produk coklat premium yang terkenal di seluruh dunia. Kunjungi kilang hari ini dan lihat sendiri proses pembuatan coklat berkualiti tinggi yang menggunakan bahan-bahan terbaik dan teknologi canggih. Rasai pelbagai jenis coklat yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan temui mengapa Beryl's menjadi pilihan utama di pasaran coklat domestik dan antarabangsa. Dengan lawatan yang informatif serta peluang mencuba coklat istimewa, Kilang Beryl's adalah destinasi yang wajib dikunjungi oleh semua pencinta coklat!



KELAZATAN GASTRONOMI DI BANDARAYA SUBANG JAYA!



Subang Jaya adalah destinasi terbaik untuk pencinta makanan yang ingin menikmati pelbagai hidangan yang luar biasa. Dari restoran mewah yang menyajikan masakan antarabangsa hingga warung tempatan yang menawarkan rasa autentik, bandar ini mempunyai segalanya untuk memuaskan selera anda.

Temui kafe hipster yang menyajikan kopi artisanal, bakeri dengan pastri yang menggugurkan, dan pasar malam yang meriah dengan pelbagai makanan viral yang menggoda. Sama ada anda penggemar makanan laut segar, masakan fusion yang inovatif, atau hidangan tradisional yang penuh rasa, bandaraya Subang Jaya adalah syurga gastronomi yang menanti untuk diterokai. Rancang lawatan anda dan mulakan pengembaraan gastro yang tiada tandingan di Bandaraya Subang Jaya!

MAKLUMAT PENTING

Nombor Telefon

MBSJ (Pelancongan) : +603-5621 0060

MBSJ (Ibu Pejabat) : +603-80263131

Tourism Selangor Sdn. Bhd. : 03-6276 7910

Kecemasan : 999

Perkhidmatan Direktori Telekom Malaysia : 103

Perkhidmatan Operator Telekom : 101

Balai Polis IPD Subang Jaya : *60378627222

Balai Polis IPD Serdang : +60380742222

Pengangkutan Darat :

- Grab
- Teksi
- Bas Selangor
- LRT
- BRT



Pengangkutan Udara :

- Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) : +61.300.88.3000
- Air Asia : +6037243805
- Firefly : +60378454543